



PruBSN Kritikal Care360

Perlindungan Yang Memahami Perjalanan Anda

Lebih daripada Sekadar Bayaran: Perlindungan, Ganjaran dan Sokongan Pemulihan

Imej ini dijana menggunakan AI.

Manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) tertakluk kepada had perlindungan. Sila rujuk risalah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi Prudential BSN Takaful Berhad atau PIDM (lawati www.pidm.gov.my).

Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)

Ahli PIDM

Satu Pelan Untuk Setiap Fasa Kehidupan



Tiada siapa merancang untuk menghidap penyakit kritikal.

Tetapi anda boleh merancang bagaimana anda akan menghadapinya.

Diagnosis penyakit serius bukan sahaja menjejaskan tubuh anda.

Ia mengganggu pendapatan anda.

Ia meresahkan keluarga anda.

Ia mengubah pandangan anda terhadap masa depan.

Perlindungan perubatan membantu anda bertahan sepanjang rawatan.




PruBSN Kritikal Care360

membantu anda meneruskan kehidupan dengan bermaruah, pilihan dan keyakinan.

Ia menawarkan perlindungan penyakit lebih awal, berkembang seiring keperluan hidup anda, menyokong pemulihan secara menyeluruh dan memberi ganjaran atas komitmen anda untuk kekal dilindungi.

Itulah sebabnya PruBSN Kritikal Care360 direka untuk menemani anda di setiap peringkat perjalanan



Perlindungan Penyakit Kritikal Utama yang kekal bersama anda

Sokongan apabila ia masih di peringkat awal, kerana menunggu sehingga ia menjadi "cukup serius" sudah terlambat.

- Terima 50% daripada jumlah perlindungan asas keseluruhan untuk Penyakit Kritikal Awal
Akses awal dan pantas kepada dana untuk rawatan awal dan lebih banyak pilihan, bukan ketika pilihan semakin terhad
- Terima 100% daripada baki jumlah perlindungan asas bagi Penyakit Kritikal Tahap Akhir
Kepastian kewangan apabila fokus anda sepatutnya pada pemulihan



Perlindungan yang berkembang seiring kehidupan

Masa mengubah segalanya termasuk kos, tanggungjawab dan keutamaan.

- Peningkatan perlindungan secara automatik setiap 5 tahun sehingga tambahan 30% perlindungan, tanpa kos tambahan atau permohonan semula
Supaya perlindungan anda tidak pernah ketinggalan



Penjagaan yang berterusan selepas keluar dari hospital

Pemulihan bukan sekadar perubatan - ia juga melibatkan emosi, fizikal dan kewangan.

- Terima Recovery Allowance sebanyak RM10,000 untuk Pembedahan Besar atau kemasukan ke Unit Rawatan Rapi
Membantu menampung cuti kerja, penjagaan harian dan keperluan hidup seharian.



Kerana kelangsungan hidup layak dihargai

Kehidupan selepas penyakit kritikal masih kehidupan yang layak diraikan.

- Terima Living Reward jika anda terus hidup 5 tahun selepas tuntutan Penyakit Kritikal Tahap Akhir diluluskan
Bayaran bermakna untuk menyokong pembinaan semula, pemulihan dan permulaan baharu



Komitmen dan disiplin perlindungan layak mendapat penghargaan

Kekal dilindungi adalah satu perjalanan yang panjang.

- Terima Wellness Reward pada tempoh matang apabila anda kekal sihat dengan tiada tuntutan Penyakit Kritikal Awal
Satu ganjaran kerana memilih perlindungan dan kesejahteraan jangka panjang

Perkhidmatan Nilai Tambah



Lebih daripada sokongan kewangan, penjagaan sebenar, bimbingan dan keselesaan apabila anda amat memerlukannya

Akses kepada pengurusan kes peribadi untuk panduan yang jelas, pendapat kedua dan sokongan pakar, serta sokongan kerohanian Islam untuk kesejahteraan emosi dan rohani.

Penyembuhan bukan sahaja sekadar fizikal

Nota: Perkhidmatan Nilai Tambah tersedia selepas 60 hari dari tarikh permulaan atau tarikh penguatkuasaan semula sijil.

Nota: Semua manfaat yang dibayar adalah tertakluk kepada terma dan syarat.



Perlindungan Yang Memahami Perjalanan Anda

PruBSN Kritikal Care360 – Manfaat Utama

Pelan takaful keluarga dengan sumbangan berkala

1. Manfaat Penyakit Kritikal Utama

i. Penyakit Kritikal Awal ¹	- 50% daripada Jumlah Perlindungan Asas dan Protection Booster (jika ada) akan dibayar apabila didiagnosis dengan Penyakit Kritikal Awal yang dilindungi - Manfaat yang dibayar akan mengurangkan jumlah perlindungan untuk tuntutan seterusnya bagi Penyakit Kritikal Tahap Akhir, Penyakit Terminal atau kematian
ii. Penyakit Kritikal Tahap Akhir	- 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas dan Protection Booster (jika ada) ditolak sebarang amaun yang telah dibayar sebelum ini di bawah Penyakit Kritikal Awal dan/atau Angioplasti², ditambah dengan jumlah nilai tunai³ akan dibayar apabila didiagnosis dengan Penyakit Kritikal Tahap Akhir yang dilindungi

2. Protection Booster

Jumlah perlindungan tambahan yang meningkat secara automatik setiap 5 tahun sijil, tanpa pengunderaitan lanjut atau sumbangan tambahan.

Tahun Sijil	Protection Booster ⁴ (% daripada Jumlah Perlindungan Asas)	
	Tempoh 20 Tahun	Umur Tamat 70 atau 80
1 – 5	0%	0%
6 – 10	5%	5%
11 – 15	10%	10%
16 – 20	Maksimum 15%	15%
21 – 25	N/A	20%
26 – 30	N/A	25%
31 dan seterusnya	N/A	Maksimum 30%

3. Living Reward atas Kelangsungan Hidup Penyakit Kritikal Tahap Akhir

- Living Reward⁵ akan dibayar apabila orang yang dilindungi terus hidup selama 5 tahun selepas tarikh kelulusan Penyakit Kritikal Tahap Akhir.
- Dibayar sebagai jumlah sebanyak 1% daripada Jumlah Perlindungan Asas bagi setiap tahun sijil, selepas ulang tahun sijil ke-20 sehingga tempoh sijil matang (*rujuk Nota dibawah untuk mendapatkan ganjaran ini*).
- Terpakai untuk sijil dengan pilihan umur tamat 70 atau 80 sahaja.

Perlindungan Yang Memahami Perjalanan Anda

4. Wellness Reward tempoh Matang

- Apabila sijil mencapai tempoh matang, Wellness Reward⁶ akan dibayar sebagai jumlah sebanyak 1% daripada Jumlah Perlindungan Asas bagi setiap tahun sijil, selepas ulang tahun sijil ke-20 sehingga tempoh matang (*rujuk Nota di bawah untuk mendapatkan ganjaran ini*).
- Wellness Reward⁶ tidak akan terjejas oleh sebarang tuntutan di bawah Recovery Allowance dan/atau Angioplasti².
- Terpakai untuk sijil dengan pilihan umur tamat 70 atau 80 sahaja.

5. Recovery Allowance⁷

Dapatkan pembayaran sekaligus sebanyak RM10,000 apabila menjalani pembedahan besar atau kemasukan ke Unit Rawatan Rapi, bagi sebarang sebab, seperti berikut:

i. Pembedahan Besar	- Kemasukan hospital secara berterusan selama 14 hari selepas Pembedahan
ii. Kemasukan Unit Rawatan Rapi	- Kemasukan hospital secara berterusan di Unit Rawatan Rapi selama 6 hari

Manfaat ini boleh dituntut sekali sahajadan tidak akan mengurangkan jumlah perlindungan asas.

6. Manfaat Penyakit Terminal dan Kematian

Apabila didiagnosis dengan Penyakit Terminal atau berlaku kematian, 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas dan Protection Booster (jika ada) ditolak sebarang amaun yang dibayar sebelum ini di bawah Penyakit Kritikal Awal dan/atau Angioplasti² ditambah jumlah nilai tunai³ akan dibayar.

¹ Amaun yang dibayar di bawah Penyakit Kritikal Awal (terdiri daripada Tahap Awal dan Tahap Pertengahan) adalah terhad kepada RM250,000 seumur hidup.

² Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari boleh dituntut sekali dalam tempoh sijil. Amaun yang dibayar adalah 10% daripada Jumlah Perlindungan Asas dan Protection Booster (jika ada), tertakluk kepada maksimum RM25,000.

³ Jumlah nilai tunai daripada amaun dalam Akaun Khas Individu (ISA) dan nilai unit dalam Akaun Unit Pelaburan (IUA) (jika ada).

⁴ Protection Booster tidak akan berhenti selepas sebarang tuntutan untuk Penyakit Kritikal Awal, Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari serta Recovery Allowance.

⁵ Jika orang yang dilindungi meninggal dunia sebelum memenuhi kriteria kelayakan untuk Living Reward, Living Reward tidak akan dibayar. Pembayaran tuntutan di bawah Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari tidak melayakkan untuk Living Reward⁵. Living Reward dikira sebagai (Umur Tamat - Umur Penyertaan - 20)% daripada Jumlah Perlindungan Asas. Pendekatan yang sama terpakai untuk Wellness Reward⁶.

⁶ Wellness Reward dibayar semasa matang dengan syarat sijil masih berkuat kuasa dan sumbangan dibayar terkini, tanpa tuntutan terdahulu bagi Penyakit Kritikal Awal.

⁷ Recovery Allowance tidak akan mengurangkan Jumlah Perlindungan Asas; ia tidak akan menjejaskan kelayakan Protection Booster, Wellness Reward atau Living Reward, jika berkenaan.

Perlindungan Yang Memahami Perjalanan Anda

PruBSN Kritikal Care360 – Ciri-Ciri Utama

Pelan takaful keluarga dengan sumbangan berkala

Tempoh Perlindungan / Umur Tamat dan Umur Penyertaan		
Tempoh Perlindungan / Umur Tamat	Umur Penyertaan	
	Juvenil	Dewasa
Umur 70	1- 18 tahun	19 - 49 tahun
Umur 80	1- 18 tahun	19 - 59 tahun
*20 tahun	1- 18 tahun	19 - 60 tahun

Jumlah Perlindungan Asas		
Minimum	RM50,000	
Maksimum	Juvenil:	RM1,000,000 setiap hayat
	Dewasa:	RM2,000,000 setiap hayat

Tempoh Pembayaran Sumbangan / Tempoh Perlindungan	
Pilihan adalah Umur Tamat 70 atau 80, atau *Tempoh 20 Tahun.	
Nota: Pilihan Tempoh 20 Tahun tersedia untuk tempoh terhad sehingga 30 April 2026, tertakluk kepada makluman lanjut.	

Lien Juvenil	
Lien juvenil terpakai untuk tuntutan bagi Manfaat Penyakit Kritikal Utama, Protection Booster, Manfaat Penyakit Terminal atau Manfaat Kematian bagi orang yang dilindungi sebelum umur 5 tahun. Dalam kes sedemikian, sebahagian daripada manfaat akan dibayar berdasarkan jadual di bawah:	
Umur Anak semasa Tuntutan	Peratusan Jumlah Perlindungan Asas (%)
1	20
2	40
3	60
4	80

MANFAAT TAMBAHAN PILIHAN

Takaful Saver
Tingkatkan simpanan anda dengan rider Takaful Saver, melabur dalam dana patuh Syariah untuk potensi pulangan mengikut tahap risiko anda.
Anda juga boleh membuat penambahan ad hoc pada bila-bila masa selepas sijil anda bermula untuk memaksimumkan simpanan anda.

Penjagaan Penyakit Kritikal yang Direka untuk Menyokong Anda dari Hari Pertama

Profil

Adham ialah seorang pemilik restoran berusia 30 tahun dengan kesihatan standard dan bukan perokok.

Adham sedang mencari pelan yang melindungi kewangan serta pendapatannya, sekiranya dia menghadapi penyakit serius. Adham mahukan perlindungan sehingga umur 70 tahun.

Lebih daripada sekadar perlindungan, Adham mahukan pelan yang mudah diurus, menawarkan sokongan peribadi untuk pemulihan awal dan memberinya ganjaran kerana kekal sihat.



Pelannya Melindungi

Perlindungan Asas

- **RM100,000 Jumlah Perlindungan Asas**
Melindungi Penyakit Kritikal Utama (dari tahap awal hingga akhir), Penyakit Terminal dan kematian.
- **Protection Booster**
Meningkatkan perlindungan secara automatik setiap 5 tahun, sehingga 30% daripada Jumlah Perlindungan Asas.
- **Tempoh Perlindungan**
Sehingga umur 70, dengan sumbangan bulanan sebanyak RM176.

Ganjaran dan Manfaat

- **20% daripada Jumlah Perlindungan Asas.**
Sokongan kewangan yang mengiktiraf kelangsungan hidup jika Adham terus hidup 5 tahun selepas tarikh kelulusan penyakit kritikal tahap akhir.
- **Wellness Reward: 20% Jumlah Perlindungan Asas.**
Ganjaran tambahan semasa tempoh matang sekiranya Adham kekal sihat tanpa sebarang tuntutan Penyakit Kritikal Awal.
- **Recovery Allowance**
Jumlah sekaligus RM10,000 jika Adham menjalani Pembedahan Besar atau dimasukkan ke dalam Unit Rawatan Rapi.

Manfaat Matang

Adham akan menerima nilai tunai bersama-sama dengan Wellness Reward (jika ada) apabila sijil diteruskan sehingga matang.

**Nota: Living Reward dikira sebagai (Umur Tamat - Umur Penyertaan - 20)% daripada Jumlah Perlindungan Asas. Pendekatan yang sama terpakai untuk Wellness Reward.*

Penjagaan Penyakit Kritikal yang Direka untuk Menyokong Anda dari Hari Pertama

Bagaimana PruBSN Kritikal Care360 Membantu Adham:

Pada umur 36,
Tahun Sijil ke 6

Diagnosis Penyakit Kritikal Awal

Adham didiagnosis dengan Leukemia Limfositik Kronik Awal.

Pembayaran Manfaat:

Menerima 50% daripada Jumlah Perlindungan Asas dan Protection Booster, di bawah manfaat Penyakit Kritikal Awal = RM52,500.

Adham kekal dilindungi di bawah sijilnya untuk manfaat lain.

Pada umur 51,
Tahun Sijil ke 21

Diagnosis Penyakit Kritikal Tahap Akhir

Adham kemudiannya didiagnosis dengan Serangan Jantung.

Pembayaran Manfaat:

Menerima baki 50% daripada Jumlah Perlindungan Asas dan Protection Booster, beserta jumlah nilai tunai, di bawah manfaat Penyakit Kritikal Tahap Akhir = RM67,500 serta jumlah nilai tunai sebanyak **RM32,257.

Sijil ditamatkan selepas pembayaran tuntutan Serangan Jantung dibuat.

Pada umur 40,
Tahun Sijil ke 10

Dimasukkan ke dalam ICU

Adham terlibat dalam kemalangan kereta dan dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi selama 6 hari secara berterusan.

Pembayaran Manfaat:

Menerima jumlah sekaligus RM10,000 di bawah Recovery Allowance.

Adham kekal dilindungi di bawah sijilnya untuk manfaat lain.

Pada umur 56,
Adham Terus Hidup!

Adham terus hidup 5 tahun dari tarikh kelulusan tuntutan Serangan Jantung. Adham menyerahkan borang yang lengkap dan salinan IC yang disahkan kepada PruBSN.

Pembayaran Manfaat:

Menerima RM20,000 (20% daripada Jumlah Perlindungan Asas), sebagai Living Reward.

Tiada manfaat lain selepas pembayaran Living Reward.

Jumlah Keseluruhan Tuntutan:

Adham menerima **RM182,257** di bawah **PruBSN Kritikal Care360** bagi manfaat Penyakit Kritikal Awal, Recovery Allowance, Penyakit Kritikal Tahap Akhir dan Living Reward.

**Nota: nilai tunai diunjurkan berdasarkan pulangan kasar 5% setahun (senario tinggi)

Apa Yang Perlu Anda Tahu

Caj dan Potongan

Caj Wakalah Pendahuluan

Menampung komisen, perbelanjaan berkaitan pengedaran dan perbelanjaan pengurusan. Peratusan di bawah berdasarkan sumbangan yang dibayar dan untuk tempoh pembayaran sumbangan 20 tahun atau lebih.

Tahun Sijil	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	>10
PruBSN Kritikal Care360	75%	60%	45%	35%	35%	35%	35%	30%	20%	20%	0%
Takaful Saver	5%										

Caj Wakalah Sijil

Menampung kos pentadbiran sijil anda. Caj adalah berdasarkan kekerapan pembayaran seperti berikut:

Tahunan	Setengah Tahun	Suku Tahunan	Bulanan
RM120	RM60	RM30	RM10

Potongan Tabarru'

Potongan *Tabarru'* ditolak setiap bulan daripada Akaun Khas Individu (ISA) anda ke dalam Dana *Tabarru'* untuk perlindungan takaful anda. Potongan *Tabarru'* untuk perlindungan takaful berbeza-beza mengikut umur dicapai, jantina, jumlah perlindungan dan status merokok. Potongan *Tabarru'* akan meningkat apabila anda semakin berusia.

Potongan *Tabarru'* merujuk kepada sumbangan sukarela oleh peserta selaras dengan aturan *Ta'awuni*. Ia berkaitan dengan sebahagian daripada sumbangan peserta ke dalam Dana *Tabarru'* sepanjang tempoh perlindungan. Potongan *Tabarru'* daripada peserta diletakkan dan dikumpulkan bersama dalam satu dana yang dimiliki secara kolektif oleh para peserta. Dana tersebut digunakan untuk membayar semua tuntutan selaras dengan manfaat yang dipersetujui di bawah pelan atas dasar saling membantu dan tolong-menolong. Kami boleh menyemak semula Potongan *Tabarru'* pada bila-bila masa tertakluk kepada pemberitahuan yang dibuat kepada peserta.

Caj-caj Lain

Caj-caj berikut adalah terpakai jika anda melampirkan pilihan Takaful Saver

Caj Wakalah Pengurusan Aset

Ini dikenakan setiap hari daripada nilai akaun IUA anda. Untuk butiran lanjut, sila rujuk Helaian Fakta Dana.

Caj Wakalah Penukaran Dana

Terdapat 4 penukaran percuma untuk IUA setiap tahun. Bagi penukaran seterusnya dalam tahun yang sama, caj penukaran ditetapkan pada 1% daripada jumlah yang ditukar (tertakluk kepada maksimum RM50).

Caj Wakalah Penambahan Sumbangan Tunggal

Terdapat caj 5% bagi setiap penambahan sumbangan tunggal. Selain itu, terdapat caj tambahan sebanyak RM25 bagi setiap penambahan.

Caj Wakalah Pengeluaran Separa

RM25 akan dikenakan bagi setiap permintaan.

Nota: Caj tambahan sebanyak RM25 bagi Penambahan Sumbangan Tunggal, Caj Wakalah Pengeluaran Separa dan Caj Wakalah Penukaran Dana diketepikan buat masa ini sehingga transaksi elektronik tersedia. Sebarang permintaan manual seterusnya melalui cawangan akan dikenakan caj-caj yang dinyatakan tersebut.

Apa Yang Perlu Anda Tahu

Nota Penting

1. Brosur ini tidak mengikat sebarang kontrak antara anda dan Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN). Untuk butiran lanjut mengenai produk ini, sila rujuk Ilustrasi Produk, Lampiran Keterangan Produk dan Helaian Fakta Dana sebelum menyertai pelan ini dan merujuk kepada terma dan syarat dalam dokumen sijil.
2. Sebarang rujukan umur adalah berdasarkan Umur pada Hari Lahir Akan Datang (ANB).
3. Adalah penting untuk memilih pelan (termasuk manfaat tambahan pilihan) yang anda mampu dan paling sesuai dengan keperluan anda. Kami mengesyorkan anda berbincang dengan ejen/penasihat kewangan PruBSN anda yang akan menjalankan analisis keperluan dan membantu anda dalam membuat keputusan termaklum.
4. Anda harus memastikan sendiri bahawa pelan tersebut memenuhi keperluan anda dan anda mampu membayar sumbangan tersebut.
5. Pulangan daripada ISA dan IUA anda (jika berkenaan), jika ada, adalah berdasarkan prestasi sebenar dana dan ia tidak dijamin.
6. Risiko pelaburan ditanggung sepenuhnya oleh anda dan manfaatnya mungkin kurang daripada jumlah sumbangan yang telah dibayar.
7. **PruBSN Kritikal Care360** berasaskan aturan saling membantu (*Ta'awun*) di mana sebahagian daripada sumbangan anda ditolak dan dikumpulkan ke dalam Dana *Tabarru'* bersama dengan sumbangan peserta lain untuk menyediakan manfaat kewangan bersama yang dibayar kepada semua peserta takaful yang layak. Berdasarkan prinsip-prinsip *Wakalah bi al-ujrah*, PruBSN akan menguruskan pelan takaful anda sebagai balasan kepada caj-caj *Wakalah* yang dinyatakan di atas.
8. Selain itu, konsep *Mudarabah* digunakan yang membolehkan sebarang keuntungan pelaburan yang timbul daripada ISA dikongsi antara PruBSN dan anda sendiri. Anda akan menerima 80% daripada keuntungan pelaburan, manakala PruBSN akan menerima baki 20%. Bahagian keuntungan anda akan dimasukkan semula ke dalam ISA anda. Jika terdapat kerugian pelaburan yang timbul daripada ISA, selaras dengan konsep *Mudarabah*, kerugian tersebut akan ditanggung oleh Anda dengan syarat kerugian tersebut tidak disebabkan oleh salah urus atau kecuaiannya Kami.
9. Anda berhak menerima sebarang lebihan yang boleh diagihkan daripada Dana *Tabarru'* termasuk keuntungan pelaburan (jika ada). Bersama peserta lain, anda berhak mendapat 50% daripada lebihan tersebut dan PruBSN akan menerima baki 50% sebagai yuran prestasi kerana menguruskan Dana *Tabarru'*. Bahagian lebihan boleh diagihkan anda akan dimasukkan semula ke dalam ISA anda. Jumlah tepat lebihan yang boleh diagihkan akan ditentukan setiap tahun dan tertakluk kepada kelulusan oleh Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah PruBSN.
10. Terdapat tempoh rujukan percuma selama 15 hari selepas penghantaran sijil anda untuk membolehkan anda mengkaji jika ia memenuhi keperluan anda. Jika sijil dibatalkan dalam tempoh ini, kami akan membayar balik kepada anda baki amaun dalam ISA anda, nilai unit IUA anda (jika ada) yang telah diperuntukkan pada nilai unit pada tarikh penilaian seterusnya dan sebarang Caj *Wakalah* Sijil, potongan *Tabarru'*, dan Caj *Wakalah* Pendahuluan yang telah ditolak, ditolak perbelanjaan perubatan yang mungkin telah kami bayar atau setuju untuk bayar.
11. Jika anda membatalkan sijil dalam tahun-tahun awal, anda mungkin tidak dapat memperoleh nilai penuh daripada jumlah yang telah anda bayar kepada PruBSN. Apabila anda menyerah balik sijil tersebut, semua manfaat dalam sijil akan ditamatkan.
12. Jika anda berhenti atau terlepas membayar sumbangan dalam tempoh tangguh selama 30 hari, perlindungan anda mungkin luput sebelum masanya.
13. Sijil anda akan luput jika jumlah dalam ISA dan/atau IUA tidak mencukupi untuk membayar *Tabarru'* dan caj-caj lain.
14. **PruBSN Kritikal Care360** tidak menyediakan sebarang jumlah manfaat daripada Dana *Tabarru'* semasa luput, penamatan, tamat tempoh atau kematangan sijil (kecuali untuk Wellness Reward (jika berkenaan)).
15. Kadar sumbangan dan *Tabarru'* serta caj-caj lain adalah tidak dijamin. PruBSN boleh menyemak semula sumbangan, kadar *Tabarru'* dan/atau caj lain, dengan memberikan notis bertulis selama 30 hari kepada pemilik sijil. Jika terdapat kenaikan pada kadar *Tabarru'*, anda mungkin perlu membayar sumbangan tambahan atau membuat top-up. Sumbangan untuk pelan ini perlu dibayar sepanjang keseluruhan tempoh sijil ini.
16. Untuk **PruBSN Kritikal Care360**, anda boleh menuntut pelepasan cukai insurans yang berkaitan tertakluk kepada terma dan syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Nota: Butiran lanjut mengenai perlindungan dan manfaat bagi manfaat tambahan pilihan boleh didapati dalam Helaian Pendedahan Produk dan Ilustrasi Produk yang harus dibaca dengan teliti sebelum anda memutuskan untuk menyertai pelan ini.

Apa Yang Perlu Anda Tahu

Pengecualian

PruBSN Kritikal Care360 tidak melindungi mana-mana situasi berikut:

1. **Penyakit Kritikal Utama dan Recovery Allowance** yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh penyakit atau keadaan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh atau dalam sebarang kaitan dengan mana-mana yang berikut:
 - i. Jika keadaan atau penyakit tersebut pertama kali berlaku atau menunjukkan simptom, atau peristiwa yang membawa kepada diagnosis menjadi jelas dalam Tempoh Menunggu:
 - a. 60 hari pertama bagi Penyakit Kritikal Awal, Penyakit Kritikal Tahap Akhir dan Recovery Allowance berkaitan dengan Kanser, Serangan Jantung, Pembedahan Pintasan Arteri Koronari, Penyakit Arteri Koronari Serius, Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari.
 - b. 30 hari pertama bagi semua keadaan atau penyakit lain yang dilindungi.
 - c. 120 hari pertama bagi Recovery Allowance berkaitan dengan sebarang pembedahan bagi sebarang keadaan yang disenaraikan di bawah Penyakit Tertentu.
selepas permulaan sijil atau tarikh ia dikuatkuasakan semula.
 - ii. Sebarang Keadaan Sedia Ada yang tidak didedahkan kepada Kami berkaitan dengan status kesihatan Orang yang Dilindungi.
 - iii. Kewujudan Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau kehadiran sebarang jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV). Pengecualian adalah bagi "Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah", "AIDS Penuh", "Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) Melalui Pekerjaan" dan mana-mana keadaan lain yang dilindungi di bawah Kategori Penyakit Kritikal ini;
 - iv. Sesuatu keadaan kongenital atau disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada keadaan kongenital yang berlaku, atau yang mana Orang yang Dilindungi mula mendapat simptom, dalam tempoh 2 tahun pertama dari tarikh lahir Orang yang Dilindungi.
 - v. Sebarang kecederaan diri sendiri secara sengaja sama ada dilakukan semasa siuman atau tidak siuman;
 - vi. Sebarang kecederaan atau penyakit yang disebabkan oleh peperangan (termasuk perang saudara), pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan sama ada ia diisytiharkan atau tidak, pemberontakan atau rusuhan atau revolusi atau sebarang peristiwa yang serupa, kuasa tentera atau rampasan kuasa, atau Orang yang Dilindungi mengambil bahagian dalam sebarang rusuhan, mogok atau kekacauan awam;
 - vii. Sebarang pelanggaran atau cubaan pelanggaran undang-undang, atau menentang penangkapan;
 - viii. Mengambil dadah atau narkotik melainkan seperti yang ditetapkan untuk rawatan oleh Doktor atau Pakar Perubatan yang berkeelayakan;
 - ix. Pengaruh atau penyalahgunaan dadah atau narkotik atau alkohol atau penyalahgunaan perangsang;
 - x. Keracunan dadah atau narkotik atau alkohol;
 - xi. Kecederaan atau kesakitan yang timbul daripada sukan profesional, perlumbaan dalam apa jua bentuk, selam skuba, aktiviti sukan udara seperti luncur gantung, belon udara panas, dan sebarang aktiviti atau sukan berbahaya yang lain, melainkan kami bersetuju secara berbeza dalam pengendorsan khas;
 - xii. Disebabkan oleh sebarang perjalanan dalam pesawat udara selain daripada sebagai juruterbang atau ahli krew atau penumpang yang membayar tambang dalam pesawat komersial yang dilesenkan untuk perkhidmatan penumpang bagi penerbangan berjadual melalui laluan yang ditetapkan sahaja.
 - xiii. Caj yang bukan Caj yang Munasabah dan Biasa Diamalkan, atau sebarang pembedahan atau rawatan yang tidak mempunyai Keperluan Perubatan (sama ada kosmetik, plastik atau sebaliknya), atau caj yang melebihi Caj yang Munasabah dan Biasa Diamalkan, melainkan Kami melindunginya di bawah Lampiran ini;
 - xiv. Perbelanjaan yang ditanggung untuk pendermaan sebarang organ badan oleh Orang yang Dilindungi dan kos pemerolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma semasa pemindahan organ dan komplikasinya;
 - xv. Untuk Recovery Allowance di bawah ICU sahaja; denggi dikecualikan daripada manfaat ini;
2. **Kematian** yang disebabkan oleh bunuh diri dalam tahun pertama dari tarikh berkuat kuasa sijil atau tarikh penguatkuasaan semula sijil, yang mana kemudian.
3. **Penyakit Terminal**
 - Tempoh Menunggu akan bermula: 30 hari pertama selepas permulaan sijil atau tarikh ia dikuatkuasakan semula.
 - Syarat Tempoh Kelangsungan Hidup: Orang yang dilindungi hidup sekurang-kurangnya 7 hari selepas diagnosis Penyakit Terminal.

Apa Yang Perlu Anda Tahu

Penyakit yang disenaraikan di bawah dilindungi di bawah PruBSN Kritikal Care360:

No.	Kategori Penyakit Kritikal	Penyakit Kritikal Awal		Penyakit Kritikal Tahap Akhir
		#Tahap Awal	Tahap Pertengahan	
1	Kanser	- Karsinoma In-Situ - Kanser Pundi Awal - Leukemia Limfositik Kronik Awal - Melanoma Awal	Karsinoma In-Situ pada Organ Tertentu Dirawat Dengan Pembedahan Radikal	Kanser
2	Serangan Jantung	- Pemasangan Perentak Jantung - Penyakit Perikardium	Pemasangan Defibrilator Jantung	Serangan Jantung
3	Penyakit Arteri Koronari Serius	Penyakit Arteri Koronari Ringan	Penyakit Arteri Koronari Sederhana	- Penyakit Arteri Koronari Serius ##Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari
4.	Pembedahan Arteri Koronari	Terapi Laser Transmyocardial	Pembedahan Pintasan Arteri Koronari Secara Minimal (MIDCAB)	Pembedahan Pintasan Arteri Koronari
5.	Strok	- Pembedahan Aneurisma Otak - Pemasukan Pintasan Serebrum	- Pembedahan Arteri Karotid - Rawatan Strok/Angin Ahmar Dengan Angioplasti Karotid dan Penempatan Stent	Strok / Angin Ahmar , mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom-simptom klinikal berterusan
6.	Penyakit Paru-Paru	- Asma Teruk - Pemasangan Vena Kava	Pembedahan Pembuangan Satu ParuParu	- Penyakit Paru-Paru Tahap Akhir - Fibrosis Pulmonari Teruk
7.	Kegagalan Buah Pinggang	Pembedahan Pembuangan Satu Buah Pinggang	Penyakit Buah Pinggang Kronik	Kegagalan Buah Pinggang, memerlukan dialisis atau pemindahan buah pinggang
8.	Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk	Diagnosis Demensia Termasuk Penyakit Alzheimer	Demensia Sederhana Termasuk Alzheimer	Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk
9.	Penyakit Autoimun	- Skleroderma Progresif Awal - Lupus Eritematosus Sistemik Sederhana dengan Lupus Nefritis	Skleroderma dengan Sindrom CREST	- Skleroderma Progresif - Lupus Eritematosus Sistemik dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk
10	Kehilangan Keupayaan Hidup Berdikari	Kehilangan Jari	Kehilangan Keupayaan Hidup Berdikari (Tahap Pertengahan)	Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)

Nota: *Penyakit Kritikal Awal (Early CI) boleh dituntut sekali dan akan mengurangkan jumlah keseluruhan perlindungan asas dan Protection Booster (jika ada). Amaun yang dibayar adalah terhad kepada RM250,000 seumur hidup. **Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari boleh dituntut sekali dalam tempoh sijil. Amaun yang dibayar adalah 10% daripada jumlah perlindungan asas dan Protection Booster (jika ada), tertakluk kepada maksimum RM25,000.

APAKAH ITU TAKAFUL?

Suatu perkiraan yang berasaskan pertolongan secara bersama yang di bawahnya peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu.

Seksyen 2(1) Akta
Perkhidmatan
Kewangan Islam
2013

Takaful diambil daripada istilah Arab 'kafala' yang membawa erti "Jaminan Bersama" atau "menjamin antara satu sama lain".

Secara literal, Takaful bermaksud tanggungjawab, jaminan, dan perjanjian bersama. Secara umum, takaful diasaskan atas persetujuan kerjasama (Ta awun) berdasarkan prinsip persamaan dan perpaduan, merangkumi elemen-elemen pampasan bersama dan kepentingan bersama.

Terdapat tiga (3) aspek persamaan yang terangkum dalam takaful, iaitu pertolongan bersama, tanggungjawab bersama, dan perlindungan bersama.

Apabila seseorang terlibat dalam skim takaful, dia bukan sahaja mencari perlindungan untuk dirinya, malah bekerjasama dengan peserta-peserta lain untuk sama-sama menyumbang antara satu sama lain ketika memerlukan.

**PERTOLONGAN
BERSAMA**

**PERLINDUNGAN
BERSAMA
DARIPADA
KERUGIAN**

**TANGGUNGJAWAB
BERSAMA**

Secara intipatinya, takaful adalah berasaskan prinsip "*Ta'awun*" (**kerjasama/pertolongan bersama**) di mana penglibatan penyertaannya adalah ***Tabarruat* (Kebajikan)**.

Pelan ini ditaja jamin oleh:

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

PruBSN Kritikal Care360 adalah produk yang patuh Syariah.

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat/pertanyaan lanjut, sila hubungi:

PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD

(No. Syarikat 200601020898 (740651-H))

Level 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat,
55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.



03 2775 7188



customer@prubsn.com.my



SMS PruBSN and send to 33080



www.facebook.com/prubsn



www.instagram.com/prubsn_official



www.linkedin.com/company/
prudential-bsn-takaful-berhad

Penting:

Anda seharusnya berpuas hati bahawa produk ini mampu memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang dibayar di bawah sijil ini merupakan jumlah yang anda mampu bayar.

Semua maklumat adalah betul semasa penerbitan. Diterbitkan pada Jan 2026.